

SESI PERKONGSIAN TAKLIMAT ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS & ANTIRASUAH (AIGA) 2023

1 Mac 2023, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menghadiri sesi perkongsian Taklimat Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 yang disampaikan oleh Puan Nurdiana binti Shahrudin, Pegawai Audit Dalam dan Governans, Institut Integriti Malaysia (IIM) pada hari ini secara atas talian.

Anugerah ini terbuka kepada semua organisasi kerajaan dan swasta yang beroperasi di seluruh negara. Kategori anugerah adalah seperti berikut :

1. Anugerah Platinum
2. Anugerah Emas
3. Anugerah Perak
4. Anugerah Gangsa

Organisasi samada di pihak kerajaan atau swasta adalah digalakkan untuk menyertai AIGA 2023 bagi sama-sama meningkatkan tahap integriti dengan cara mempertingkatkan ilmu pengetahuan tata kelola yang baik. Peserta boleh melengkapkan borang penyertaan, bayaran penyertaan beserta dokumen berkaitan.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama